

DBKL roboh 11 struktur haram atas rizab jalan



Antara premis yang diambil tindakan kerana membina struktur tambahan tanpa kebenaran.

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan terhadap 11 premis yang membina struktur tambahan hingga menutup longkang dan laluan awam.

Penguatkuasaan itu dilakukan menerusi operasi bersepadu roboh struktur haram di rizab jalan awam di sekitar kawasan Bukit Bintang.

DBKL memaklumkan, sembilan daripada struktur itu dirobohkan DBKL sementara dua yang lain membuka sendiri binaan tersebut.

Selain itu katanya, sebanyak tujuh kes sitaan serta- merta turut dilaksanakan atas kesalahan meletakkan barangan di tempat awam di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Kesemua sisa struktur yang dirobohkan dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi.

"Sementara kesemua barangan yang dikenakan tindakan sita dibawa ke Stor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi," katanya menerusi kenyataan di Facebook.

Katanya, DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.